

ARKITEK KEWANGAN

Berkerjaya sebagai seorang arkitek adalah sesuatu yang pastinya menjadi idaman mereka yang berjiwa seni dan meminati sains. Tetapi arkitek kewangan? Tidakkah ia kedengaran janggal? Kerjaya yang unik tetapi sayangnya kurang popular di kalangan masyarakat kita. Jawatan arkitek kewangan ini tidak mungkin kita temui di iklan-iklan jawatan kosong kerana ia hanyalah sekadar gelaran yang diberikan kepada mereka yang mampu menggabungkan kemahiran analisa dan perniagaan ke dalam penyelesaian masalah kewangan dan sosial yang semakin meningkat.

Menurut laporan akhbar Utusan Malaysia (2005) yang bertajuk 'Kualiti Pencapaian di SJKC lebih menonjol' telah menunjukkan peratus murid yang mendapat Gred A di dalam UPSR 2005 untuk matapelajaran matematik adalah sebanyak 69.3% di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) berbanding 29.1% di Sekolah Kebangsaan (SK). Menyedari bahawa bidang ini lebih menjadi rebutan pelajar cina yang cukup sinonim dengan kemahiran menguasai subjek matematik, Kolej Profesional Baitulmal adalah satu-satunya institusi pendidikan tinggi swasta yang ada menawarkan program Diploma Matematik Kewangan khusus kepada pelajar Muslim lepasan SPM yang ingin melanjutkan pengajian dalam bidang yang agak mencabar tetapi mampu menawarkan gaji yang menarik ini.

Kehendak pasaran kewangan di Malaysia yang mendesak lebih ramai kemunculan pelajar terutamanya pelajar Bumiputra untuk bersama-sama menjadi pemain yang bijak mengira risiko masa hadapan telah membuka mata Amanah Raya Berhad, sebuah syarikat milik penuh kerajaan untuk memberi penajaan penuh kepada pelajar asnaf melanjutkan pengajian mereka dalam bidang ini. Harapan besar diberikan oleh pihak Kolej dan penaja kepada pelajar yang mengambil Diploma ini agar mampu menjadi seorang ahli perniagaan profesional yang berhubungkait dengan rekacipta insurans, anuiti dan risiko pelaburan yang boleh bersaing secara sihat dalam sektor kewangan. secara khususnya.

Disediakan oleh,

Azlindawati Hassan

Ketua Program Diploma Matematik Kewangan.